

R

PERPUSTAKAAN UNIVERSITI MALAYA

ACM-325C

i

INVN 18/1/01

**PENGAJARAN *TAWHID* DI MASJID-MASJID : SUATU KAJIAN
DI DAERAH MUAR JOHOR**

MAZLAN BIN ABDULLAIH

**Disertasi Ini Dikemukakan Adalah Sebagai Memenuhi
Bahagian II Ijazah Sarjana Usuluddin
Secara (Berkursus Dan Disertasi)**

Perpustakaan Universiti Malaya



A510030469

JABATAN AKIDAH DAN PEMIKIRAN ISLAM

BAHAGIAN PENGAJIAN USULUDDIN

AKADEMI PENGAJIAN ISLAM

UNIVERSITI MALAYA

KUALA LUMPUR

1999

Dimikrofiksas pada..... 31.12.2001

No. Mikrofis..... 15195

Jumlah Mikrofis..... 2

HAMSIAH BT. MOHAMAD ZAHARI

UPR UNIT REPROGRAFI
PERPUSTAKAAN UTAMA
UNIVERSITI MALAYA

PENGAKUAN

Saya akui bahawa kajian ini adalah hasil kerja saya sendiri, kecuali nukilan-nukilan dan ringkasan-ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan sumbernya.

Rejab 1420

MAZLAN BIN ABDULLAH

Okt. 1999

IGB 97009

PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Segala puji-pujian dirafakkan ke hadrat Allah (s.w.t.) selaku pencipta alam jagat raya, selawat dan salam dipanjangkan kepada junjungan besar Nabi Muhammad (s.a.w.) selaku penghulu dan semulia-mulia nabi dan utusan Ilahi, ahli keluarganya dan para sahabat sekelian.

Bersyukur penulis kepada Allah (s.w.t.) kerana dengan limpah kurnia dan Inayah-Nya dapat penulis menyiapkan disertasi ini dalam tempoh yang telah ditetapkan. Kesempatan dalam ruangan ini, penulis ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada Y. Bhg Encik Wan Zailan Kamaruddin Wan Ali, pensyarah di Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, selaku penyelia penulisan ini, yang tidak jemu-jemu memberi panduan, tunjuk ajar serta dorongan sehingga penulisan ini dapat disempurnakan.

Terima kasih penulis ucapkan kepada Ṣaḥībul al-Faḍilah Kadi Daerah Muar, Jabatan Agama Islam Johor, kakitangan Pejabat Agama Daerah Muar, ahli jawatankuasa masjid, para pengajar *tawhid*, para pendengar, masjid-masjid yang menjadi sampel kajian ini serta Perpustakaan Awam Islam, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Perpustakaan Universiti Malaya, Perpustakaan Masjid Sultan Ibrahim Muar dan semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak secara langsung dalam menjayakan kajian ini.

Rakaman terima kasih penulis aturkan kepada Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) kerana telah memberi kepercayaan kepada penulis untuk menambah ilmu dan menimba pengalaman, tidak lupa ucapan yang sama kepada rakan-rakan sejawatan yang turut memberi perangsang dan galakkan. Terima kasih juga kepada kepada para pensyarah dan kakitangan Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya di atas sokongan, nasihat dan pandangan yang diberikan sepanjang tempoh pengajian di universiti ini.

Untuk ayah , bonda dan keluarga penulis doakan semoga diberi ketenangan, dimurahkan rezki serta mendapat keredaan terhadap apa jua amalan yang dilaksanakan. Istimewa buat isteri Zahrah Abd Majid, anak-anak Fairuz,Durrah Dinie dan Muhammad Irfan Zikri, jambangan bunga kasih diberikan di atas kesabaran dan keprihatinan di sepanjang penulis menyempurnakan pengajian ini.

Semoga usaha yang sedikit ini dapat memberi impak positif kepada generasi sekarang dan akan datang, di samping penulis mengharapkan keredaan yang berpanjangan daripada Allah (s.w.t.).

Mazlan bin Abdullah
68 Jalan 10 / 146
Bandar Tasik Selatan
Sungai Besi, 57000 Kuala Lumpur

/

ABSTRAK

Pengajaran *tawhid* merupakan suatu bidang ilmu asas Islam yang masih mendapat perhatian daripada pengunjung setia masjid-masjid di daerah Muar Johor. Program ini telah dilaksanakan semenjak negara masih belum mencapai kemerdekaan lagi. Dalam tempoh hampir setengah abad kuliah ini masih mampu bertahan dan mengekalkan sambutan orang ramai terhadapnya. Perlaksanaan pengajaran ini bertujuan untuk melahirkan individu muslim berkualiti yang mempunyai *aqidah* yang benar-benar mantap dan kental bagi menempuh sebarang cabaran dalam alaf baru. Justeru kuliah pengajaran *tawhid* yang sedang beroperasi sekarang merupakan medan wacana ilmu ke arah melahirkan individu yang dimaksudkan. Kajian ini dijalankan adalah bertujuan untuk melihat secara dekat penggunaan masjid secara maksimum dalam usaha menyebarluaskan pengajaran agama terutama yang berkaitan dengan *tawhid*. Di samping itu kajian ini juga berusaha untuk mengenalpasti sambutan orang ramai dan keberkesanannya perlaksanaannya di Muar. Tumpuan kajian diberikan kepada sumber rujukan, kaedah penyampaian, peranan ahli jawatankuasa masjid, pendengar dan masyarakat Islam setempat ke arah meningkatkan kehadiran para jemaah dari semasa ke semasa. Kajian ini diakhiri dengan mengemukakan cadangan-cadangan untuk diambil tindakan oleh pihak berkuasa agama negeri ke arah memantapkan lagi perjalanan program pengajaran *tawhid* untuk masa akan datang.

ABSTRACT

Tawhid is a popular discipline on basic religious knowledge which has attracted a large number of peoples among the Muslim who thronged the mosques in Muar District which conducted classes on the subject. The teaching of this subject has been going since the pre-independence days and its popularity has not waned despite the fact that the program has been running for almost half a century. The teaching of *tawhid* is aimed toward the development of Muslim individuals with strong religious belief and commitments (*aqidah*) and capable of meeting the challenges of the new millennium. The *tawhid* classes conducted at these mosques are specifically tailored toward achieving this aim. The aim of this study is to closely observe on the role of mosques as a centre for the dissemination of religious knowledge particularly in the teaching of *tawhid*. The study will also try to determine the extent of popularity of the program and the effectiveness of its implementation in Muar. The focus of the study will be on the sources of reference used, methods of instruction and the role played by the mosques committees, congregations, and the general Muslim population in the area in ensuring the continuing success and popularity of the program. The study will be concluded with a list of recommendations to be made the state religious authority on the steps to be taken to improve the program in the future.

KANDUNGAN

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	vi
ABSTRACT	vii
KANDUNGAN	viii
SENARAI RAJAH DAN JADUAL	xiv
SINGKATAN	xv
TRANSLITERASI	xvii
PENDAHULUAN	xix

BAB 1

LATARBELAKANG KAJIAN DAN RUANG LINGKUP

PENYELIDIKAN	1
1.1. Pendahuluan	1
1.2. Latarbelakang Kajian	4
1.3. Objektif Kajian	7
1.4. Kepentingan Kajian	7
1.5. Pengumpulan Data	8
1.5.1. Kajian Awal Berbentuk Tinjauan	8

1.5.2. Kajian Lapangan Atau Penyelidikan	9
1.5.2.1. Soalselidik	9
1.5.2.2. Wawancara	11
1.5.2.3. Pemerhatian	12
1.5.3. Kajian Perpustakaan	13
1.6. Sampel Kajian	14
1.7. Perumusan Masalah Kajian	15
1.8. Tempat Kajian	16
1.9. Tempoh Kajian	17
1.10. Kesimpulan	18

BAB 2

PERLAKSANAAN PENGAJARAN TAWHID DI DAERAH

MUAR JOHOR 19

2.1. Pendahuluan	19
2.2. Definisi Pengajaran <i>Tawhid</i> Di Masjid-Masjid	21
2.2.1. Pengajaran	21
2.2.2. Pengertian <i>Tawhid</i>	22
(a) Pengertian Bahasa	22
(b) Pengertian Istilah	23
(c) Pendapat Ulama'	24
2.2.3. Pengertian Masjid	25
(a) Pengertian Bahasa	25

(b) Pengertian Istilah	26
(c) Pendapat Ulama'	27
2.3. Dalil Yang Menggalakkan Umat Islam	29
1. Menuntut Ilmu	29
2. Menyampaikan Ilmu	33
2.4. Carta Pentadbiran Masjid Daerah Muar Dan Fungsinya	38
2.4.1. Fungsi Jawatankuasa Pentadbiran Masjid Peringkat Daerah	40
2.5. Jumlah Penduduk Islam Daerah Muar	42
2.6. Bilangan Masjid Yang Terlibat	43
2.7. Tenaga Pengajar <i>Tawhid</i>	44
2.8. Jenis-Jenis Pengajaran Yang Disampaikan Di Masjid-Masjid	45
2.9. Kesimpulan	46

BAB 3

LAPORAN ANALISIS KAJIAN	48
3.1. Pendahuluan	48
3.2. Penemuan Kajian	49
3.2.1. (A) Latarbelakang	49
1. Jantina	49
2. Umur	51
3. Pendidikan	52
4. Aliran Pendidikan	54
5. Pekerjaan	54
6. Tauliah	56

7. Pengalaman Mengajar	57
8. Kursus	58
9. Bidang Pengkhususan Pengajar	60
3.2.1. (B) Kitab Rujukan	62
10. Nama Kitab Yang Digunakan	62
11. Bahasa Pengantar Kitab Rujukan	63
12. Perakuan Kitab Rujukan	65
13. Penyelarasan Kitab Rujukan	66
3.2.1. (C) Sambutan Terhadap Pengajaran <i>Tawhid</i>	67
14. Jadual Mengajar	67
15. Sambutan Terhadap Pengajaran <i>Tawhid</i>	68
16. Topik Yang Sering Disampaikan	70
17. Topik Yang Paling Disukai Pendengar	71
18. Bentuk Huraian <i>Tawhid</i>	73
19. Waktu Pengajaran	74
20. Kaedah Penyampaian	76
3.2.1. (D) Keberkesanan Pengajaran <i>Tawhid</i>	77
21. Cara Terbaik Menarik Jemaah	77
22. Cara Terbaik Meningkatkan Keberkesanan	79
3.3. Kesimpulan	81

BAB 4

KEBERKESANAN PENGAJARAN <i>TAWHID</i> DI MUAR	83
4.1. Pendahuluan	83
4.2. Faktor-Faktor Yang Menggalakkan Sambutan Pengajaran <i>Tawhid</i>	84
4.2. (a) Faktor Kemanusiaan	85
1. Pengalaman Mengajar	85
2. Kewibawaan Pengajar	87
3. Peranan AJK Masjid	88
4. Huraian Isi Mengikut Citarasa Semasa	90
5. Komunikasi Dua Hala	91
6. Kesesuaian Waktu Mengajar	92
7. Penjadualan Waktu Yang Bersistem	93
8. Pendedahan Kursus Kepada Pengajar	94
4.2. (b) Faktor Peralatan	96
1. Menggunakan Alat Bantuan Mengajar	97
2. Nota Edaran	98
3. Khutbah Khas Untuk Menarik Pendengar <i>Tawhid</i>	99
4.3. Cara-Cara untuk Mempertingkatkan Pengajaran <i>Tawhid</i>	101
1. Pengajar Mampu Menggunakan ABM	101
2. AJK Masjid Mesti Jadi Teladan	103
4.4. Kesimpulan	105

BAB 5

RUMUSAN DAN PENUTUP	107
5.1. Rumusan	107
5.2. Cadangan Meningkatkan Sambutan Dan Keberkesanan	110
5.2.1. Cadangan Pentadbiran AJK Masjid	111
5.2.2. Cadangan Pengajar <i>Tawhid</i>	118
5.2.3. Cadangan Kepada Pendengar	124
5.3. Penutup	130
 Bibliografi	134
Lampiran 1	
Lampiran 2	
Lampiran 3	
Lampiran 4	
Lampiran 5	
Lampiran 6	
Lampiran 7	
Lampiran 8	

SENARAI RAJAH DAN JADUAL

Senarai Rajah

Rajah 1: Pecahan Jantina Mengikut Peratus	50
Rajah 2: Taburan Jenis Pendidikan Pengajar <i>Tawhid</i>	53
Rajah 3: Pecahan Jenis Pekerjaan Responden	55
Rajah 4: Pecahan Responden Yang Berkursus	59
Rajah 5: Kedudukan Bidang Pengajaran Responden	61
Rajah 6: Kedudukan Topik Yang Menjadi Kegemaran Pengajar	71

Senarai Jadual

Jadual 1: Jumlah Pengajar <i>Tawhid</i> Mengikut Umur	51
Jadual 2: Kedudukan Pengalaman Pengajar	57

SINGKATAN

Abd	Abdul
ABM	Alat Bantuan Mengajar
AJK	Ahli Jawatankuasa
ASWJ	Ahl al-Sunnah wa al-Jamaāh
BAHEIS	Bahagian Hal Ehwal Islam
Bil	Bilangan
Cet	Cetakan
DBP	Dewan Bahasa dan Pustaka
Dll	Dan lain-lain
Dr	Doktor
Drs	Doktorundas
H	Hijriyyah
h.	Halaman
Hj.	Haji
Ibid	ib. idem - Dalam Buku, halaman, bab yang sama seperti yang disebut sebelumnya.
JAIJ	Jabatan Agama Islam Johor
JAKIM	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
Jld	Jilid
Jln	Jalan
JPM	Jabatan Perdana Menteri
Juz	Juzuk

KDN	Kementerian Dalam Negeri
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
M	Masehi
MRSM	Maktab Rendah Sains MARA
Op.Cit	Opere Citato - Sama dalam bahan yang telah dirujuk sebelumnya, tetapi telah dilangkaui oleh beberapa rujukan lain.
PLUS	Projek Lebuhraya Utara Selatan
Prof.	Profesor
Pt.	Parit
RTMS	Rancangan Ta'mir Masjid Dan Surau
ṣ.ā.w.	Ṣallallahu ‘alaihi wa sallam
s.w.t.	Subḥanahu wa Ta’ala
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
STPM	Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia
t.p	Tanpa Penerbit
t.t.	Tanpa Tarikh
Vol.	Volume

PANDUAN TRANSLITERASI

Ejaan yang digunakan dalam disertasi ini adalah berdasarkan daftar ejaan Rumi Bahasa Malaysia (1984), terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. Sementara perkataan frasa dan nama-nama khas dalam bahasa ‘Arab pula adalah mengikut kaedah transliterasi huruf ‘Arab - Rumi Dalam Gaya Dewan: Sebuah Panduan Kerja Penerbitan (1990), terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur seperti berikut:

Abjad	Sebutan ‘Arab	Transliterasi Rumi
ا	alif	a
ب	ba‘	b
ت	ta‘	t
ث	tha‘	th
ج	jim	j
ح	ha‘	h
خ	kha‘	kh
د	dal	d
ذ	dhal	dh
ر	ra‘	r
ز	zay	z

س	sin	s
ش	shin	syin
ص	sad	ṣ
ض	dad	ḍ
ط	ta'	ṭ
ظ	za'	z
ع	'ayn	'
غ	ghyn	gh
ف	fa'	f
ق	qaf	q
ك	kaf	k
ل	lam	l
م	mim	m
ن	nun	n
و	waw	w
ه	ha'	h
ء	hamzah	,
ي	ya'	y
ة	ta' marbutah	h

PENDAHULUAN

Disertasi ini dikemukakan di bawah tajuk, “ Pengajaran *Tawhid* Di Masjid-Masjid : Suatu Kajian Di Daerah Muar Johor”. Penulis memilih judul ini kerana merasakan tidak ramai tenaga pengajar yang ada sekarang, benar-benar berminat, mampu dan berkeupayaan untuk menyampaikan pengajaran *tawhid* secara baik, menarik dan berkesan, berbanding subjek-subjek agama yang lain. Di samping itu kajian ini juga berusaha mengenalpasti sambutan terbuka masyarakat Islam setempat khususnya di Muar dalam memberi sokongan dan dokongan terhadap apa jua program-program keagamaan yang dilaksanakan di masjid-masjid.

Menyedari hakikat inilah telah mendorong rasa tanggung jawab penulis untuk melihat secara dekat seterusnya memaparkan perkara sebenar yang berlaku. Di Muar terdapat 91 buah masjid mengendalikan kuliah *tawhid* yang melibatkan seramai 79 orang pengajar. Pengajaran *tawhid* telah mula dilaksanakan di daerah ini semenjak negara masih belum mencapai kemerdekaan lagi. Pada masa itu rumah tuan-tuan guru telah menjadi medan utama pengajaran. Peredaran masa dan perkembangan tamadun telah berjaya menarik lebih ramai pengunjung ke kuliah berkenaan. Rumah tuan-tuan guru tidak lagi berupaya menampung bilangan pengunjung yang begitu ramai. Justeru masjid dilihat sebagai tempat yang paling sesuai untuk mengambil alih rumah tuan-tuan guru untuk dijadikan tempat pengajaran.

Kajian ini dijalankan di Muar Johor untuk memantau penggunaan Masjid secara maksimum bagi tujuan pengajaran keagamaan terutama bidang *tawhid*. Di samping itu kajian ini juga untuk mengamati sambutan, sokongan dan keberkesanan hasil daripada perlaksanaan pengajaran ini. Penulis memilih daerah Muar untuk dibuat kajian kerana,

Pertama, daerah ini telah berjaya melahirkan ramai tokoh ulama' dan para cendikiawan Islam terkenal dan berwibawa dalam bidang keagamaan.

Kedua, Muar merupakan daerah contoh yang paling aktif merancang dan melaksanakan aktiviti keagamaan sehingga dipilih pemenang anugerah peringkat negeri Johor bagi tahun 1996 dan 1997.

Ketiga, masih belum terdapat mana-mana individu yang benar-benar berminat untuk membuat kajian mengenainya.

Metode pengumpulan data bagi menyempurnakan kajian ini dibuat melalui dua cara iaitu penyelidikan perpustakaan dan penyelidikan lapangan. Penyelidikan perpustakaan ialah penyelidikan yang dijalankan di perpustakaan bagi mendapatkan maklumat sama ada dalam bentuk kamus, encyclopedia, al- Qur'ān, al-Hadīth, buku-buku rujukan, disertasi, majalah, jurnal dan seumpamanya yang berkaitan dengan bidang *tawhid*. Sementara penyelidikan lapangan ialah penyelidikan yang dilakukan secara langsung terhadap subjek yang dikaji, perlaksanaannya meliputi soalselidik, wawancara dan pengamatan. Tumpuan kajian meliputi sumber rujukan, kaedah penyampaian, pendekatan yang digunakan, sambutan orang ramai dan keberkesanan pengajaran yang dilaksanakan.

Metode wawancara juga digunakan dalam penyelidikan ini. Pegawai Agama Daerah, Pegawai Pentadbiran Masjid Daerah, para pengajar *tawhid* telah dipilih untuk menjelaskan pengalaman yang mereka tempohi di sepanjang perkhidmatan. Di samping itu teknik pengamatan turut digunakan sebagai suatu cara untuk memantau dari dekat perlaksanaan pengajaran tersebut.

Perbincangan disertasi ini dibahagikan kepada lima bab. Dalam bab 1 dijelaskan tentang latar belakang kajian, objektif, kepentingan kajian, metode pengumpulan data, sampel kajian, perumusan masalah, tempat kajian dan tempoh kajian.

Bab 2 penulis susuli dengan memberikan definisi pengajaran *tawhid* di masjid-masjid di daerah Muar dan pendapat ulama⁴. Dalil al-Qur'an dan al-Hadith yang menggalakkan umat Islam supaya menuntut dan menyampaikan ilmu. Carta organisasi dan fungsi pentadbiran masjid daerah Muar, jumlah penduduk Islam, bilangan masjid, jumlah pengajar dan jenis-jenis pengajaran agama yang sering disampaikan di masjid-masjid dalam daerah Muar Johor.

Bab 3 diberi penekanan terhadap laporan penganalisisan data kajian. Tumpuan kepada soalselidik yang mengandungi dua puluh dua soalan. Penulis telah membahagikan soalselidik tersebut kepada empat (4) bahagian iaitu (a) latar belakang pengajar (b) kitab-kitab rujukan yang

digunakan (c) sambutan orang ramai terhadap pengajaran *tawhid* dan (d) cara terbaik untuk menjana kehadiran dan meningkatkan keberkesanan pengajaran *tawhid*. Responden telah diminta untuk menandakan jawapan pada petak yang disediakan serta mengisikan tempat kosong. Di samping itu responden diberi penjelasan terhadap sesuatu soalan yang sukar difahami maksudnya.

Dalam bab 4 penulis menumpukan dua aspek pendekatan yang paling berkesan digunakan oleh pengajar *tawhid* untuk meningkatkan sambutan dan keberkesanan pengajaran mereka. Faktor kemanusiaan dan faktor peralatan dikenalpasti sebagai pemangkin utama mendominasi sambutan dan keberkesanan pengajaran ini. Di samping itu dalam bab ini juga dihuraikan beberapa alternatif ke arah mempertingkatkan sambutan dan kehadiran para jemaah seterusnya melonjakkan kembali paradigma penyertaan pendengar setiap kali kelas pengajaran *tawhid* diadakan.

Sementara dalam bab 5 penulis telah membuat rumusan dan beberapa saranan penting ke arah memantapkan lagi kaedah pengajaran *tawhid*. Antara pelan tindakan yang perlu dilaksanakan, meliputi tiga kumpulan sasaran yang dianggap sebagai agen pelaksana seperti berikut iaitu (a) Pentadbiran dan pengurusan masjid (b) tenaga pengajar dan (c) jemaah atau pendengar. Pelbagai pelan cadangan dari ketiga-tiga kumpulan tersebut disarankan agar pelaksanaan pengajaran *tawhid* dapat dinobatkan semula sebagai wahana dan wacana masyarakat yang paling berkesan dan cemerlang. Penutup perbincangan penulis telah meminta agar semua pihak

membuat pendekatan sepadu ke arah menarik minat orang ramai supaya memakmurkan dan mengembalikan semula fungsi masjid di landasan sebenar, di samping berusaha gigih menambah bilangan pengunjung kelas pengajaran *tawhid* dari semasa ke semasa. Semoga pemaparan ini akan dapat membantu tugas Pegawai Penyelarasian Pentadbiran Masjid Daerah dan pihak berkuasa agama negeri Johor dalam melaksanakan tindakan positif yang sewajarnya ke arah mengembalikan semula kecemerlangan pengajaran *tawhid* sebagai mercu tanda yang unggul bagi umat Islam di Negeri Johor.